

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT
KAWASAN : JERAI
TARIKH : 08 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB TUAN SABRI BIN AZIT minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi melaksanakan janji manifesto PH iaitu pemansuhan tol lebuhraya yang amat dinantikan oleh seluruh rakyat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Memorandum Jemaah Menteri berhubung dengan Kajian Halatuju Industri Lebuh raya Bertol di Malaysia telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada 2 Oktober 2019 yang lalu. Kajian tersebut telah mengambil kira pelbagai senario dan alternatif untuk kerajaan menangani isu tol ini. Terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi dengan lebih terperinci sebelum sebarang keputusan dibuat.

Sekian, terima kasih.